

Negara lain harus hormati keputusan mahkamah Malaysia - Dr. M

(P)

KUALA LUMPUR 28 Julai — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, negara lain haruslah menghormati keputusan mahkamah Malaysia jika mereka juga mahu keputusan mahkamah mereka dihormati.

Sambil merujuk kepada kes Raja Kamarul Baharin yang membawa pulang dua anaknya dari Australia baru-baru ini, Perdana Menteri menegaskan, Mahkamah Syariah telah pun membuat keputusan menyerahkan hak penjagaan kanak-kanak itu kepada bapa mereka.

Oleh itu, katanya, keputusan Mahkamah Syariah jelas dan semua pihak harus menghormati keputusan tersebut.

"Kanak-kanak ini dilahirkan di Malaysia dan mereka adalah warganegara Malaysia.

29 JUL 1992
"Bagaimanapun jika benar Kerajaan Australia kata mereka tidak akan campur tangan, kita ingin ucapkan terima kasih," katanya kepada para wartawan dalam sidang akhbar selepas melancarkan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pagi ini.

Reaksi

Dr. Mahathir berkata demikian sebagai menjawab pertanyaan wartawan mengenai reaksi Kerajaan Malaysia terhadap kenyataan Perdana Menteri Australia, Paul Keating semalam bahawa kerajaannya tidak dapat berbuat apa-apa dalam isu perebutan hak penjagaan kedua-dua anak

Raja Baharin itu, Iddin, 9, dan Shahirah, 7, setelah mereka dibawa pulang ke Malaysia.

Raja Baharin yang dibenarkan menziarahi anak-anaknya di Melbourne sekali dalam setahun telah membawa mereka pulang ke Malaysia tanpa pengetahuan bekas isterinya, Jacqueline Gillespie pada 10 Julai lalu.

Beliau bertindak demikian kerana mendakwa agama anak-anaknya itu telah ditukar tanpa pengetahuan dan kebenarannya.

Tindakannya membawa pulang Iddin dan Shahirah itu bukan sahaja menimbulkan isu antarabangsa mengenai hak

LIHAT MUKA 2

NEGARA LAIN HARUS HORMATI KEPUTUSAN MAHKAMAH MALAYSIA - DR. M

29 JUL 1992
penjagaan anak-anak malah menimbulkan tandatanya mengenai cara beliau meninggalkan Australia.

Dalam hubungan ini Dr. Mahathir menegaskan, sepertimana orang lain mahu keputusan mahkamah mereka dihormati, mereka juga mestilah pada masa yang sama menghormati keputusan Mahkamah Malaysia.

Mengenai pekerja asing yang disahkan membawa kuman HIV yang boleh menyebabkan penyakit AIDS, Dr. Mahathir berkata, kerajaan perlu meneliti dahulu sama ada kajian itu sah atau tidak.

"Apa yang saya khuatir ialah kita tidak membuat kajian yang menyeluruh oleh itu saya tidak boleh buat komen panjang mengenainya," ujar Perdana Menteri.

Bagaimanapun, apa yang jelas katanya ialah

mereka yang didapati memang membawa kuman itu akan dihantar ke negara asal semula kerana ia membahayakan penduduk tempatan.

Semalam, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Megat Junid Megat Ayub berkata, tiga dari sepuluh pekerja asing yang menjalani pemeriksaan kesihatan untuk mendapatkan permit kerja didapati membawa kuman AIDS.

Megat Junid berkata, Malaysia bernasib baik kerana mengenakan pemeriksaan kesihatan sebagai satu syarat untuk mendapatkan permit kerja bagi pendatang asing.

Jika tidak katanya, sudah tentulah kes penyakit AIDS di Malaysia akan bertambah buruk.

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir berkata, jika kajian lanjut mendapati kes-kes AIDS yang melibatkan pekerja asing semakin serius, kerajaan terpaksa melakukan sesuatu untuk mengatasinya segera.